

Agenda Bumiputera tak terpisah daripada dasar pendidikan nasional

• Malaysia sejak awal tidak pernah menggubal dasar pendidikan berasaskan pemisahan etnik secara menyeluruh, tetapi mengamalkan pendekatan dasar nasional inklusif dengan sasaran sosial yang jelas

• Sejarah pendidikan Malaysia menunjukkan tanpa dasar dilabel secara eksplisit sekalipun, negara berjaya melahirkan generasi Bumiputera berpendidikan tinggi dan berdaya saing



Dekan Pusat Pengajian Pendidikan Universiti Utara Malaysia (UUM)

Oleh Prof Madya Dr Mohamad Khairi Othman
bhrencana@bh.com.my

Beberapa hari ini ada sedikit perbincangan tercetus susulan kenyataan seorang tokoh akademik di Kongres Pendidikan Bumiputera 2026 bahawa Malaysia sebenarnya 'tidak mempunyai Dasar Pendidikan Bumiputera.'

Walaupun kebimbangan beliau terhadap jurang pendidikan dan kelemahan pelaksanaan dasar mungkin masih boleh diterima pakai, kesimpulan beliau bahawa negara tidak mempunyai dasar yang membela pendidikan Bumiputera adalah tidak tepat jika dilihat dalam kerangka sejarah, falsafah dasar dan realiti pelaksanaan di negara ini.

Hakikatnya, Malaysia sejak awal tidak pernah menggubal dasar pendidikan berasaskan pemisahan etnik secara menyeluruh, tetapi mengamalkan pendekatan dasar nasional inklusif dengan sasaran sosial yang jelas.

Dalam pendekatan ini, pendidikan dirangka sebagai hak semua warga, namun pada masa sama instrumen dan intervensi diwujudkan bagi memastikan kumpulan ketinggalan, yang dalam banyak keadaan terdiri daripada Bumiputera, tidak tercicir daripada arus pembangunan.

Hal ini malah ditekankan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir pada majlis penutupan kongres berkenaan dengan memberikan dimensi sejarah yang penting dalam memahami isu ini.

Beliau mengajak hadirin meneliti kembali sumbangan pemimpin terdahulu yang berjaya mengangkat pendidikan anak bangsa tanpa perlu mewujudkan satu dasar pendidikan Bumiputera yang berlabel khusus.

Generasi pemimpin ini, yang sebahagiannya lahir daripada sistem pendidikan nasional itu sendiri, membuktikan agenda besar pendidikan Bumiputera sudah lama dilaksanakan melalui dasar nasional strategik dan berkesan.

Data menunjukkan sejak dekad 1970-an hingga kini, penyertaan Bumiputera dalam pendidikan tinggi meningkat secara signifikan. Sebagai contoh, kadar kemasukan ke universiti awam (UA) dalam kalangan Bumiputera kini secara konsisten melebihi 60 peratus hingga 70 peratus, manakala dalam beberapa program dan institusi tertentu, peratusannya jauh lebih tinggi.

Ini membuktikan walaupun tanpa satu 'Dasar Pendidikan Bumiputera' yang eksplisit, hasil dasar pendidikan negara memberi impak besar kepada mobiliti sosial Bumiputera. Isu sebenar di sini bukanlah ketiadaan dasar, tetapi hanyalah keperluan untuk memperkukuh struktur, penyelarasan dan keberkesanan dasar sedia ada.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, juga senada dalam hal ini. Sewaktu berucap dalam Majlis Perasmian Sambutan 60 Tahun MARA, kelmarin, beliau menegaskan tidak semua dasar perlu dilabel secara eksplisit sebagai dasar Bumiputera. Menurut beliau, pendekatan dasar nasional inklusif, tetapi sensitif kepada keperluan Bumiputera adalah lebih sesuai dalam konteks



masyarakat majmuk Malaysia.

Beliau memberikan contoh dalam sektor Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dengan peluang tidak dihadkan kepada satu kaum sahaja tetapi dibuka kepada semua golongan miskin tanpa mengira latar belakang. Namun, secara realiti, majoriti penerima manfaat masih terdiri daripada Bumiputera kerana faktor demografi dan sosioekonomi.

Penyertaan Bumiputera kekal dominan

Dalam banyak program nasional, peratusan penyertaan Bumiputera kekal dominan, sering kali melebihi 80 peratus, sekali gus menunjukkan bahawa dasar nasional berkenaan secara praktikal sudah memenuhi objektif pemerikasaan Bumiputera.

Hujah ini selari dengan konsep keadilan substantif dalam dasar awam dengan matlamat utama bukanlah kesamarataan mutlak, tetapi memastikan keadilan berdasarkan keperluan dan kedudukan sosial.

Dalam konteks ini, pendekatan Malaysia adalah untuk membina dasar inklusif dari segi akses, tetapi tetap memastikan kumpulan majoriti terpinggir mendapat manfaat secara signifikan.

Walaupun dasar pendidikan negara tidak dilabel secara khusus mengikut kaum, Malaysia tidak mengabaikan keperluan kepada instrumen sasaran. Institusi seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), Maktab Rendah Sains MARA (MRSM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) serta pelbagai program biasiswa dan bantuan pendidikan menjadi bukti bahawa mekanisme khusus Bumiputera sudah lama diinstitusikan dalam sistem pendidikan negara.

Penegasan Perdana Menteri bahawa peranan MARA tidak akan diganjakkan menunjukkan komitmen berterusan terhadap agenda Bumiputera. Pada masa sama, dasar seperti PUTRA35 yang diluluskan Jemaah Menteri dan dibentangkan di Parlimen membuktikan agenda pemerikasaan Bumiputera diangkat sebagai dasar negara walaupun tidak sentiasa dilabel secara sempit dalam sektor pendidikan sahaja.

Seperti analogi diberikan Perdana Menteri, walaupun dasar perumahan negara tidak dilabel sebagai 'dasar perumahan Bumiputera', sasaran pemilikan Bumiputera boleh mencecah sehingga 75 peratus melalui mekanisme pelaksanaan yang jelas.

Prinsip sama juga diaplikasikan dalam bidang pendidikan, iaitu dasar kekal nasional, tetapi sasaran dan pelaksanaan mengambil kira realiti Bumiputera.

Dengan kata lain, Malaysia sudah sekian lama mempunyai dasar dan instrumen, tetapi hanya perlu memperkukuh penyelarasan antara kementerian, sistem data bersepadu, mekanisme pemantauan berterusan dan kejelasan sasaran pelaksanaan.

Ringkasnya, sejarah pendidikan Malaysia menunjukkan tanpa dasar dilabel secara eksplisit sekalipun, negara berjaya melahirkan generasi Bumiputera berpendidikan tinggi dan berdaya saing.

Seperti ditegaskan Menteri Pendidikan Tinggi, kejayaan ini adalah hasil perjuangan dasar berterusan dan komitmen politik konsisten. Pada masa sama, seperti diujjahkan Perdana Menteri, pendekatan dasar nasional inklusif tetapi sensitif kepada keperluan Bumiputera adalah lebih sesuai untuk mengekalkan keseimbangan antara keadilan sosial dan perpaduan nasional.

Justeru, isu sebenar bukanlah sama ada Malaysia mempunyai Dasar Pendidikan Bumiputera atau tidak, tetapi bagaimana dasar sedia ada boleh diperkukuh dari segi pelaksanaan, pemantauan dan keberkesanan.

Dalam kerangka ini, agenda Bumiputera tidak perlu dipisahkan daripada dasar nasional, tetapi harus terus diperkasakan sebagai sebahagian usaha membina negara adil, inklusif dan berdaya saing.